

22/07/1997

Asean hadapi ujian paling sukar

MINGGU ini Asean menghadapi cabaran terbesar dan paling getir sejak ditubuhkan 30 tahun lalu. Mulai semalam, pegawai, diplomat dan menteri luar negara anggota Asean serta sekretariat pertubuhan serantau itu melipatgandakan usaha bagi membolehkan Asean membuat keputusan paling penting sepanjang sejarah penubuhannya iaitu berhubung kemelut di Kemboja dan masa depan negara Indochina itu dalam Asean. Menjelang Jumaat ini, tujuh menteri luar Asean bersama-sama dua rakan baru mereka (dari Laos dan Myanmar), perlu mencapai kata sepakat mengenai Kemboja. Keputusan itu amat penting kerana ia akan mempengaruhi rundingan antara Asean dengan rakan dialognya dalam Forum Serantau Asean (ARF) dan Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri Luar Asean (PMC) yang diadakan selepas itu.

Rakan dialog Asean seperti Amerika Syarikat, China, Kesatuan Eropah (EU), Jepun dan Australia sudah pasti ingin melihat bagaimana Asean menangani isu yang amat rumit dan sensitif ini. Sebarang kesilapan dalam menangani isu itu sudah pasti menyebabkan Asean hilang kewibawaannya di mata dunia.

Sekalipun seluruh dunia tertunggu-tunggu tindakan lanjut Asean berhubung Kemboja, hak untuk menerima atau menolak penyertaan sesebuah negara sebagai ahli terletak di tangan Asean sendiri seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jepun kelmarin. Kata Perdana Menteri ketika ini keadaan di Kemboja tidak berapa jelas dan kerana itu keanggotaannya dalam Asean terpaksa ditangguhkan. Menurut Dr Mahathir keanggotaan sesebuah negara itu adalah hak Asean dan ia tidak mencampuri masalah dalaman negara lain.

Kenyataan beliau jelas menggambarkan pendirian Asean. Ia tidak sekali-kali akan campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara, termasuk Kemboja sendiri. Malah ia selari dengan kemahuan Perdana Menteri Keduanya, Hun Sen yang secara berterusan memberi amaran kepada Asean dan dunia supaya tidak membabitkan diri dalam pergolakan di negara itu. Sekalipun demikian adalah amat malang bagi 10 juta rakyat Kemboja khususnya dan 450 juta penduduk Asia Tenggara amnya kerana Hun Sen menolak mentah-mentah usaha wakil khas Asean diketuai Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas bagi mencari jalan keluar permasalahan negara Indochina itu.

Kemboja hari ini lahir daripada inisiatif masyarakat dunia. Hun Sen sewajarnya tidak melupakan hakikat ini. Perang selama berdekad-dekad di Kemboja hanya berakhir dengan Perjanjian Damai Paris pada 1991 yang diusahakan oleh masyarakat dunia. Selepas aman, masyarakat dunia menghulur bantuan dan membuat pelaburan besar-besaran di negara Indochina itu sehinggakan 60 peratus daripada belanjawan negara berkenaan sekarang adalah daripada sumbangan asing.

Sehubungan itu, Asean sebagai salah satu pihak yang bertanggungjawab mewujudkan keamanan itu benar-benar berharap kesinambungan sistem kerajaan Kemboja hendaklah berdasarkan Perjanjian Damai Paris dan Perlembagaan negara Kemboja sendiri. Jika hujah ini diterima, kerajaan dan rakyat Kemboja sewajarnya terhutang budi kepada masyarakat dunia termasuk Asean. Tetapi jalan penyelesaiannya tidak semudah itu, kerana menjadi pengetahuan umum bahawa bukanlah menjadi dasar Asean campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara itu.

Bagi kita, persoalan yang begitu rumit ini adalah ujian yang terpaksa dilalui oleh Asean ketika pemimpin rantau ini merangka menyambut ulang tahunnya yang ke-30 bulan depan secara gilang-gemilang. Daripada sebuah

pertubuhan yang kewujudannya bagi membendung pengaruh komunis di rantau Asia Tenggara 30 tahun lalu, Asean kini disifatkan sebagai antara pertubuhan serantau paling berjaya dan dinamik menjelang abad dan alaf baru.

Asean bukan hanya terbabit dalam rundingan serantau tetapi mencakupi hal ehwal sejagat. Ia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, malah mungkin lebih hebat daripada pertubuhan serantau lain dan kuasa besar dunia. Sidang kemuncak Asean-Kesatuan Eropah (EU) dan ARF yang membabitkan kuasa besar dunia adalah bukti jelas betapa berpengaruh Asean. Dalam setiap rundingan pertubuhan sejagat seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ataupun forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) suara Asean amat lantang, sekali gus membuktikan kewibawaannya di mata dunia. Sehubungan itu, kemelut Kemboja dan keanggotaannya dalam Asean adalah ujian besar bagi membuktikan kesepakatan dan kemantapan negara anggota menghadapi cabaran seterusnya menerajui dunia pada alaf baru.

(END)